

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI HAJI
ABDUL KARIM [BATANG LUPAR]**

TARIKH : 5 OGOS 2020 (RABU)

SOALAN

DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI HAJI ABDUL KARIM [BATANG LUPAR] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan bagaimanakah pihak Kementerian dapat memastikan tiada kenaikan harga barangan keperluan asas berlaku di peringkat rantai pengeluaran, pengilang, pemborong atau peruncit yang seterusnya membebankan pengguna terutamanya dalam situasi negara dan dunia berdepan dengan pandemik covid 19.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Bagi memastikan harga barangan terus terkawal Kementerian telah **menggerakkan 2,300 Pegawai Penguat Kuasa** di seluruh Negara bagi menjalankan penguatkuasaan dalam memantau aktiviti memanipulasi harga melalui penguatkuasaan di bawah **Akta Kawalan Harga Dan Antipencatutan (AKHAP) 2011**. Antara tindakan yang dilaksanakan bagi memastikan kestabilan harga barangan:

- i. **Pemantauan dan penguatkuasaan** yang lebih agresif meliputi **seluruh rantai pengedaran dan pembekalan barangan dan perkhidmatan** di seluruh negara. Bermula daripada 18 Mac 2020 sehingga 30 Jun 2020 Sejumlah **96,648 premis** perniagaan telah

diperiksa yang merangkumi pelbagai jenis perniagaan seperti **kedai runcit, pasaraya, pasar awam, kedai makan, kedai kek dan roti, kedai pakaian, bengkel kenderaan dan lain-lain premis**. Daripada jumlah pemeriksaan tersebut, sebanyak **2,157 kes** telah dihasilkan di bawah pelbagai akta dengan **nilai rampasan berjumlah RM55,959,149.00**. Manakala sebanyak **1,716 kes** telah **dikompaun** sepanjang tempoh PKP/PKPB/PKPP ini dengan **kutipan kompaun berjumlah RM946,750.00**.

- ii. Penguatkuasaan Akta Kawalan Harga Dan Antipencatutan (AKHAP 2011) dengan **pengeluaran notis pengesahan maklumat harga atau caj bagi perkhidmatan dan notis bertulis di bawah Seksyen 21 AKHAP 2011** untuk mengesan sama ada kenaikan harga tersebut adalah mengikut perundangan yang ditetapkan. Secara keseluruhannya, sebanyak **3,594 notis** telah dikeluarkan terhadap **pengeluar, pemborong dan peruncit barangan termasuk pengusaha perkhidmatan** di seluruh negeri sepanjang pelaksanaan PKP hingga PKPP melalui:
- pemeriksaan harian bagi **empat (4) kluster barangan keperluan utama** terdiri daripada makanan kering, barangan basah, minuman serta barangan kebersihan dan kesihatan yang telah dimulakan pada **15 April 2020** .
 - penguatkuasaan di bawah **OPS CATUT 7.0 (Dandanan Dan Gunting Rambut)** bermula pada **10 Jun 2020** dengan mensasarkan kepada penyedia perkhidmatan tersebut di seluruh negeri.
 - pemantauan terhadap harga barangan **peralatan pelindung diri** bermula **17 Jun 2020** yang terdiri daripada *hand sanitizer* (pembasmi kuman), apron pakai buang (iaitu *disposable hair cutting apron* dan *disposable hair cutting cape cloth*), *disposable glove* dan alat pengukur suhu badan di peringkat pembekalan barangan hingga peruncit.
 - pemeriksaan di peringkat pembekalan barangan iaitu **peringkat peruncit di pasar-pasar awam dan pemborong**

ayam pedaging di seluruh negara bermula pada **18 Jun 2020** bagi tujuan **mendapatkan maklumat harga dan kos dari tempoh selepas berakhirnya Pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa 2020.**

- iii. **Pemeriksaan penandaan tanda harga di bawah Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1993 yang mewajibkan peniaga meletak tanda harga ke atas barangan yang dijual. Sejumlah 27,940 pemeriksaan tanda harga telah dijalankan di seluruh negara dan sebanyak 353 kes tiada tanda harga telah tindakan diambil. Daripada jumlah kes tersebut sebanyak 188 kes telah dikompaun dengan nilai kompaun RM177,800.00.**
- iv. **Melaksanakan tiga (3) Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) iaitu Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa, Pesta Kaamatan dan Hari Gawai 2020. Sepanjang pelaksanaan skim tersebut, sebanyak 33,238 pemeriksaan telah dijalankan ke atas premis-premis di seluruh negara. Hasil daripada tindakan pemeriksaan ini, sebanyak 147 tindakan undang-undang telah dikenakan iaitu 32 kes melebihi harga maksimum dan 115 kes tiada tanda harga melibatkan keseluruhan nilai sitaan RM18,718.00 dan kompaun RM308,500.00.**
- v. Mengadakan **program libat urus** untuk memberi penjelasan, khidmat nasihat dan kerjasama bersama peniaga dalam memahami dan mematuhi undang-undang yang dikuatkuasakan.
- vi. Meningkatkan **keberadaan (omnipresence)** pegawai-pegawai penguat kuasa di lokasi yang menjadi tumpuan pengguna bagi mewujudkan ruang persekitaran perniagaan yang selamat dan beretika.
- vii. Menangani pertanyaan dan penyelesaian aduan rakyat dengan lebih cepat dan pantas dengan menyediakan **Skuad Tindakan Aduan dan Resolusi Pengguna (STAR).**

- viii. Menyediakan aduan melalui pelbagai saluran sedia ada di Kementerian seperti **aplikasi whatsapp KPDNHEP 019-2794317, Portal E-Aduan, aplikasi telefon pintar Ez Adu, talian hotline KPDNHEP 1-800-886-800** dan **hadir sendiri ke mana-mana pejabat / cawangan KPDNHEP yang berhampiran.**

Sekian, terima kasih.